

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* FASA KEDUA BAGI
KEBENARAN PEMBUKAAN SEMULA PAWAGAM DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
BERMULA 17 OGOS 2020

Bermula 17 Ogos 2020, semua pawagam hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

BAGI PEMILIK ATAU PENGUSAHA PAWAGAM:

1. Pemilik atau pengusaha pawagam dikehendaki untuk mendapatkan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dan dilekatkan di kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pengunjung sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis;
2. Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa kepada **80% dari jumlah kapasiti biasa** (*normal capacity*) ruang duduk pawagam berkenaan;
3. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki pawagam;
4. Pemilik atau pengusaha pawagam mestilah memastikan pekerja-pekerja mereka untuk sentiasa memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
5. Pekerja pawagam yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja;
6. Memastikan siaran filem akan ditayangkan akan menjarakkan masa tayangan selepas habisnya satu tayangan filem bagi membolehkan pihak pawagam membersihkan tempat duduk dan persekitaran pawagam (*fully sanitise*);
7. Memastikan penjarakan fizikal dan sosial termasuk pelaksanaan arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan seperti:-
 - 7.1 Memastikan penjarakan fizikal pengunjung pawagam sekurang-kurangnya **satu (1)** tempat duduk. **Pelanggan yang datang dalam secara berkumpulan adalah dibenarkan duduk berdekatan;**
 - 7.2 Pawagam untuk mempamerkan notis jumlah maksimum kapasiti masuk dalam satu masa di tempat yang bersesuaian;
 - 7.3 Pawagam tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk dari kapasiti biasa (*normal capacity*); dan

7.4 Pawagam untuk menyediakan *hand sanitiser*;

8. Mana-mana pemilik atau pengusaha pawagam yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
9. Pemilik atau pengusaha pawagam adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG PAWAGAM:

1. Pengunjung yang berumur **12 tahun ke bawah** adalah **dibenarkan** untuk memasuki pawagam;
2. Para pengunjung hendaklah mempunyai kod yang diperolehi melalui aplikasi Bruhealth sebelum mengunjungi pawagam yang ingin dituju. Hanya pengunjung yang mempunyai kod warna yang betul iaitu hijau atau kuning akan dibenarkan masuk ke premis;
3. Orang ramai yang berhasrat untuk memasuki pawagam perlu membuat tempahan tempat duduk terlebih dahulu dan membeli tiket secara *online* atau melalui telefon;
4. Pengunjung pawagam disarankan untuk memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*);
5. Pengunjung pawagam adalah dibenarkan makan atau minum semasa menonton tayangan filem; dan
6. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi pawagam sehingga telah sembah.